

Belayar KEMANA

Sebuah syarikat yang beroperasi tanpa Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), ibarat bahtera yang belayar tanpa seorang nakhoda. Kecekapan anak kapal mungkin mampu mengendalikan operasi asas, namun tanpa strategi yang jelas, pelayaran seolah-olah tiada hala tuju.

BAHTERA TANPA NAKHODA

Sebuah syarikat tanpa CEO adalah ibarat sebuah bahtera tanpa nakhoda. Ia mungkin mampu terus belayar buat sementara waktu, dipandu oleh pegawai yang berpengalaman. Namun tanpa kepimpinan yang jelas, hala tuju jadi tidak menentu, manakala risiko semakin meningkat.

Dalam amalan korporat, kelompongan sementara dalam tampuk kepimpinan boleh berlaku ketika proses peralihan. Bagaimanapun, keadaan ini lazimnya bersifat jangka pendek dan diselia dengan teliti. Jika situasi ini berlarutan, ia memberikan isyarat bahawa terdapat kelemahan yang lebih mendalam dari segi tadbir urus, perancangan penggantian dan pengawasan lembaga pengarah.

Walaupun undang-undang syarikat tidak semestinya mewajibkan jawatan CEO yang formal, ia tetap menuntut kepimpinan eksekutif yang berkesan. Lembaga pengarah bertanggungjawab memastikan hala tuju strategik, akauntabiliti dan kuasa operasi dalam syarikat ditetapkan dengan jelas.

Apa-apa yang kurang daripada itu adalah satu kompromi dan jika berlaku kompromi dalam kepimpinan, selalunya pemegang saham yang menanggung akibatnya.

Perniagaan Berjalan Seperti Biasa?

Keadaan ini menggambarkan situasi yang dihadapi oleh Concrete Engineering Bhd (CEPCO), sebuah syarikat yang tidak begitu dikenali ramai. Mereka telah beroperasi tanpa ketua eksekutif sejak Pengarah Urusannya, Leong Kway Wah, meletakkan jawatan pada 15 Januari 2025. Leong, 71 tahun, menerajui syarikat selama lebih dua dekad sejak tahun 2003, meninggalkan Kumpulan dengan alasan untuk menceburi bidang lain.

CEPCO merupakan syarikat pengeluar utama cerucuk konkrit berputar dan tiang konkrit terprategang yang digunakan secara meluas dalam projek infrastruktur, pembinaan dan utiliti, di dalam dan luar negara.

Susulan peletakan jawatan Leong, yang berpengalaman luas dalam bidang perbankan pelaburan dan kewangan korporat, fungsi eksekutif CEPCO kini dikendalikan oleh pasukan pengurusan kanan Kumpulan yang diterajui oleh Ketua Pegawai Operasi (COO), Fadhlin Muhammad Farsi, yang dilantik pada Januari 2025. Struktur ini diselia oleh empat ahli Lembaga Pengarah yang kesemuanya merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (INED). Datin Sabrina Ainie pula dilantik sebagai Pengerusi Lembaga pada 19 Jun 2025.

Tetapi, Dimanakah Sang Nakhoda?

Sehingga kini, CEPCO masih belum menamakan pengganti rasmi untuk jawatan CEO selepas peletakan jawatan Leong. Lebih setahun berlalu, situasi kelompongan pemimpin itu masih belum diselesaikan.

Ketiadaan CEO atau pengarah eksekutif dalam lembaga menimbulkan persoalan; siapakah sebenarnya yang membuat keputusan dalam syarikat?

Dalam mana-mana perniagaan, lebih-lebih lagi yang bergantung pada perolehan projek dan hubungan komersial, kehadiran seorang CEO amat penting. Seseorang perlu memimpin, membuat keputusan akhir dan menjadi wajah rasmi syarikat. Peranan ini tidak boleh dibiarkan kosong tanpa tempoh yang jelas.

Cabaran ini lebih ketara memandangkan CEPCO beroperasi dalam sektor yang sepatutnya memperoleh kontrak baharu secara konsisten. Tanpa “wajah rasmi” yang jelas, bagaimanakah mereka meyakinkan pelanggan berpotensi supaya dapat meletakkan kepercayaan, seterusnya menganugerahkan kontrak kepada syarikat?

Perkara ini telah dibangkitkan oleh MSWG dalam Mesyuarat Agung Tahunan CEPCO pada 28 Januari lalu, namun jawapan yang diberikan langsung tidak meyakinkan.

Lembaga menyatakan bahawa *“struktur pengurusan semasa yang terdiri daripada COO dan pasukan pengurusan kanan yang berpengalaman sudah memadai”*.

Namun, kenyataan bahawa *“pelantikan CEO masih dalam pertimbangan lembaga dan akan diumumkan apabila tiba masanya”* sudah pasti tidak begitu meyakinkan.

“Memadai” tidak bermaksud “berkesan”. “Dalam pertimbangan” selepas lebih setahun tanpa pemegang peranan ketua yang tetap pula memberikan gambaran yang meragukan dan bukannya ketegasan tadbir urus.

Tidak Semua Keuntungan Itu Sama Nilainya

Pada tahun kewangan 2025, pendapatan CEPCO merosot hampir 43% kepada RM59.42 juta berbanding dengan RM103.97 juta pada tahun kewangan 2024. Walaupun begitu, Kumpulan kembali mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM19.48 juta berbanding dengan kerugian bersih berjumlah RM4.61 juta pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, peningkatan ini banyak disumbangkan oleh keuntungan nilai saksama daripada hartanah pelaburan berjumlah RM11.11 juta serta penepian hutang daripada pemiutang dagangan sebanyak RM5.56 juta.

Prestasi CEPCO menunjukkan turun naik dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam lima tempoh kewangan, syarikat mencatatkan kerugian sebanyak dua kali, dengan pendapatan tahunan berjumlah antara RM59.42 juta hingga RM148.28 juta.

Pulangan kepada pemegang saham juga agak mengecewakan. Sudah lebih sedekad syarikat tidak membayar dividen (kali terakhir mereka berbuat demikian adalah pada 2010 dan 2013) dan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, syarikat masih belum melaksanakan apa-apa dasar dividen yang tetap.

Dalam suku pertama berakhir 30 November 2025, kerugian bersih CEPCO berjaya dikurangkan kepada RM2.88 juta, daripada RM6 juta dalam suku yang sama pada tahun sebelumnya. Namun begitu, aliran keluar tunai daripada operasi meningkat kepada RM4.48 juta, berbanding dengan RM1.02 juta sebelum ini.

Hakikatnya, CEPCO berdepan keadaan pasaran yang mencabar termasuk kenaikan harga bahan mentah, gaji minimum dan caj untuk urus niaga antarabangsa, yang berpotensi memberikan tekanan kepada prestasi dan keuntungan.

Terumbang-ambing Bukanlah Strategi

Syarikat mungkin mampu bertahan tanpa CEO untuk tempoh yang singkat. Namun kekosongan jawatan ketua yang berpanjangan jarang berlaku secara kebetulan. Ia lazimnya mencerminkan sikap teragak-agak, kelemahan perancangan penggantian serta keengganan membuat keputusan yang sukar.

Tanpa pemimpin eksekutif yang jelas bertanggungjawab, strategi mudah terarah kepada zon selesa berbanding dengan aspirasi dan pertumbuhan. Akauntabiliti pula menjadi kabur sehingga sukar dikesan.

Untuk pemegang saham minoriti, keadaan ini amat tidak memuaskan. Mereka sukar untuk menilai prestasi, menentukan tanggungjawab atau berinteraksi secara bermakna dengan pihak pengurusan.

Sampai ke satu tahap, “sementara” tidak lagi boleh dianggap sebagai sementara.

Apabila sampai ke tahap itu, pemegang saham berhak bertanya, bukan lagi dengan nada lembut tetapi secara tegas, siapakah sebenarnya yang membuat keputusan dan siapakah yang bertanggungjawab terhadap prestasi syarikat?

[TAMAT]



PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.